

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
TERENGGANU,
TINGKAT 11, WISMA DARUL IMAN,
20200 KUALA TERENGGANU.

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BIL. 2/1993.

Perkiraan Premium Tambahan Di Atas Pertukaran Syarat
Kegunaan Tanah Kepada Bangunan Dan Perusahaan.

Sebagaimana dijelaskan di bawah Arahan Pengarah Tanah dan Galian, Terengganu Bil. 5/1991 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa premium tanah untuk kegunaan "bangunan" dan "Perusahaan" hendaklah dikirakan mengikut meter persegi dan di dalam hektar bagi pertanian. Dengan itu permohonan-permohonan tukar syarat kegunaan tanah kepada "Bangunan" dan "Perusahaan" hendaklah juga dikemukakan mengikut keluasan meter persegi dan bayaran tambahan premium adalah berasaskan keluasan tanah yang berkenaan sebagaimana dinilai oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta.

Contoh: Penukaran syarat tanah daripada "Tapak Rumah" kepada "Tapak Kedai".

Keluasan tanah	-	289 m.p.
Nilaian bagi keluasan yang dimaksudkan.	-	RM29,000
Premium tambahan	-	4% x 29,000 = RM1,160

2. Kadar peratusan di atas harga pasaran tanah sebagai harga tambahan untuk penukaran syarat kegunaan tanah yang dipakai sekarang hendaklah diteruskan.


Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

Dihantar pada 4 APR 1993

Tandatangan
Korani Kaunter/Despatch
Pejabat Pengarah Tanah
& Galian Trg.


(DATO' NIK MOHD KHALID BIN KAMIL)
Pengaroh Tanah dan Galian,
Terengganu.

EDARAN:

1. Pentadbir Tanah Kuala Terengganu.
2. Pentadbir Tanah Besut.
3. Pentadbir Tanah Dungun.
4. Pentadbir Tanah Hulu Terengganu.
5. Pentadbir Tanah Kemaman.
6. Pentadbir Tanah Marang.
7. Pentabdir Tanah Setiu.

s.k.

1. YB. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
2. Setiausaha, Dewan Undangan Negeri, Terengganu.

Fail : PTG.TR. G/05/1988/06/02 - (33)
Bertarikh : 4 April 1993
Bersamaan : 11 Syawal 1413

DNMK/amy
arah293/dis1